

LTM TAMPUNG KEMASUKAN PELANCONG CHINA

November 4, 2016, Friday

Mampu tampung kapasiti penumpang apabila penggunaan Pas Masuk Khas dilaksanakan
// Oleh Rusnan Mustafa //

The Borneo Post

KOTA SAMARAHAN: Pengendali Lapangan Terbang Miri (LTM), Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) melahirkan keyakinan tinggi bahawa lapangan terbang itu mampu menampung kemasukan pelancong dari China apabila penggunaan Pas Masuk Khas dilaksanakan.

Pengarah Urusan MAHB Datuk Badlisham Ghazali berkata LTM mempunyai kapasiti untuk menerima penumpang namun jenis kapal terbang dan waktu penerbangan masih perlu diambil kira.

“Insya-Allah lapangan terbang di Miri dan Sibu sekarang ini pun sudah terima banyak penerbangan ‘narrow body’ dan ada juga ‘slightly wide body’ boleh terimalah, kita faham keinginan Sarawak untuk melebihkan pelancong,” katanya ketika ditemui selepas Syarahan Perdana Program Fakulti CEO di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) semalam.

Pada Selasa lalu, Timbalan Ketua Menteri Sarawak Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg berkata kerajaan negeri membuat keputusan membenarkan pelancong dari China memasuki negeri ini dari LTM dan Pos Imigresen, Kastam Kuarantin dan Keselamatan Sungai Tujuh berhampiran sempadan Brunei.

Mengulas mengenai jenis pesawat dan waktu penerbangan, Badlisham berkata MAHB perlu memastikan jenis pesawat yang tiba di LTM sama dengan kemampuan lapangan terbang.

“Jadi kalau datang dari Brunei kita tengok apa jenis pesawat. Kalau pun datang satu hala kita tengok jenis pesawat, kalau sama dengan yang kita kendalikan sekarang tidak ada kekangan.

“Tidak ada masalah dan isu, hanya masa. Bukan selalu kita terima penerbangan,” katanya sambil menambah MAHB menyambut baik keputusan kerajaan negeri itu.

Sementara itu ketika ditanya cadangan AirAsia supaya diwujudkan Terminal Penumpang Tambang Murah (LCCT) di Sarawak’, Badlisham berkata lapangan terbang sedia ada sekarang mampu menampung kemasukan penumpang.

“Apa yang penting sekarang ialah melakukan lebih banyak promosi untuk menarik lebih ramai pelancong ke Sarawak,” ujarnya.